

YURAN



DIPLOMA

Yuran Keseluruhan **RM6,774.00**

Kadar yang dinyatakan adalah untuk 6 semester
*Jumlah yuran tidak termasuk yuran kolej kediaman.



SARJANA MUDA (PENDIDIKAN)

Yuran Keseluruhan **RM8,032.00**

Kadar yang dinyatakan adalah untuk 8 semester
*Jumlah yuran tidak termasuk yuran kolej kediaman.



UPSI merupakan salah sebuah universiti di Malaysia yang menganggotai International Student Exchange Programme (ISEP). Setiap pelajar UPSI berpeluang membuat pertukaran satu semester dengan universiti di luar negara.

PROSPEK KERJAYA

- > Guru
- > Pegawai Sains
- > Pegawai Tadbir
- > Pensyarah
- > Pegawai Penyelidik
- > Pegawai Eksekutif
- > Saintis
- > Usahawan

MAKLUMAT LANJUT

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
Kampus Sultan Azlan Shah,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

+605 450 7205/ 7519/ 7673
 +605 450 7296
 <https://fsmt.upsi.edu.my>
 info@fsmt.upsi.edu.my



www.upsi.edu.my



FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK

Fakulti Sains dan Matematik (FSM) bermula dengan tertubuhnya Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 1997 dengan nama Fakulti Sains dan Teknologi (FST) dan distruktur semula pada 1 Jun 2010 menjadi Fakulti Sains dan Matematik (FSM).

FSM berperanan dalam pembangunan dan transformasi agenda pendidikan negara serta STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics) melalui program pengajian sedia ada, penyelidikan, perundingan, penerbitan dan aktiviti khidmat masyarakat.

Terdapat empat (4) jabatan di bawah struktur pengurusan FSM iaitu:

- ▶ Jabatan Biologi
- ▶ Jabatan Fizik
- ▶ Jabatan Kimia
- ▶ Jabatan Matematik

Kecemerlangan Fakulti Sains dan Matematik adalah gabungan kecemerlangan pensyarah, penyelidik, pentadbir dan pegawai sokongan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelajar, menyediakan kemudahan dan prasarana pengajaran yang komprehensif dan terkini.

PROGRAM

- ▶ **DIPLOMA SAINS**
*Tempoh Pengajian: 6 semester / 2 tahun
- ▶ **DIPLOMA SAINS (MATEMATIK)**
*Tempoh Pengajian: 6 semester / 2 tahun
- ▶ **DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL**
*Tempoh Pengajian: 6 semester / 2 tahun
- ▶ **SARJANA MUDA PENDIDIKAN (BIOLOGI) DENGAN KEPUJIAN**
*Tempoh Pengajian: 8 semester / 4 tahun
- ▶ **SARJANA MUDA PENDIDIKAN (FIZIK) DENGAN KEPUJIAN**
*Tempoh Pengajian: 8 semester / 4 tahun
- ▶ **SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KIMIA) DENGAN KEPUJIAN**
*Tempoh Pengajian: 8 semester / 4 tahun
- ▶ **SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MATEMATIK) DENGAN KEPUJIAN**
*Tempoh Pengajian: 8 semester / 4 tahun
- ▶ **SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SAINS) DENGAN KEPUJIAN**
*Tempoh Pengajian: 8 semester / 4 tahun
- ▶ **SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK) DENGAN PENDIDIKAN**
*Tempoh Pengajian: 8 semester / 4 tahun

SYARAT KEMASUKAN

Memenuhi **SYARAT AM** dan **SYARAT KHAS** setiap program pengajian yang ditawarkan.

SYARAT AM KEMASUKAN DIPLOMA & SARJANA MUDA

DIPLOMA

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tiga (3) Keputusan termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Sejarah (mulai SPM tahun 2013 dan ke atas).

SARJANA MUDA

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat Keputusan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Keputusan Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) diambil kira.

dan

Mempunyai Kelulusan STPM dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan Gred C Pengajian Am dan Gred C dalam dua (2) mata pelajaran lain.

atau

Mempunyai kelulusan Matrikulasi/ Asasi dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00.

atau

Mempunyai kelulusan STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid.

atau

Mempunyai kelulusan Diploma IPTA/ ILKA/ IPTS atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.

dan

Mendapat keputusan MUET Band 2 dan ke atas mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.



SYARAT KHAS KEMASUKAN DIPLOMA & SARJANA MUDA

SILA IMBAS KOD UNTUK MENYEMAK SYARAT KHAS KEMASUKAN BAGI SETIAP PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA DAN SARJANA MUDA YANG DITAWARKAN OLEH FAKULTI.

